

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

### KENYATAAN MEDIA

#### **EAIC: DAKWAAN LOKAP BAYAN BARU 'TERUK' OLEH NAMEWEE TIDAK BERASAS**


PUTRAJAYA 9 September 2016 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) merujuk kepada laporan beberapa media tempatan susulan penyanyi rap kontroversi Namewee memuatnaik status Facebook yang mendakwa keadaan lokap berpusat Balai Polis Bayan Baru, Pulau Pinang dalam keadaan daif serta layanan terhadap pendatang asing tanpa izin yang teruk.

Dalam kenyataannya menerusi laman sosial Facebooknya pada 27 Ogos 2016 Namewee mendakwa beliau ditempatkan bersama 15 tahanan lain dari Myanmar di bilik kecil berkeadaan buruk dan terdapat tahanan warga asing yang telah ditahan lebih daripada 30 hari dan mungkin meninggal dunia tanpa diberikan rawatan perubatan. Sebelum itu Namewee atau nama sebenarnya Wee Meng Chee telah ditahan reman selama 4 hari di lokap tersebut susulan penghasilan klip video lagu 'Oh My God' yang didakwa menghina Islam.

Susulan daripada laporan ini, EAIC telah membuat lawatan mengejut ke Lokap Berpusat Balai Polis Bayan Lepas pada 5 September 2016 (Isnin). Lawatan EAIC mendapati:

#### **1. Dakwaan Namewee Ditempatkan Bersama 15 Orang Tahanan Lain Dalam Bilik Lokap Yang Kecil Dan Buruk adalah Tidak Benar**

- Hasil penelitian rakaman CCTV oleh Pasukan Penyiasat EAIC mendapati:
  - i. Namewee hanya ditempatkan di dalam sel tahanan bersama 12 orang tahanan lain hanya untuk tempoh lebih kurang dua (2) jam sahaja.



Beliau yang dibawa masuk ke sel tahanan (M1-2) pada jam 4.53 petang ditempatkan bersama-sama 7 orang tahanan warganegara Myanmar dan 5 orang tahanan warganegara Nepal.


- ii. Pada jam 6.45 petang, kesemua 12 orang tahanan tersebut telah dibawa keluar dan ditempatkan di lokap M1-17. Tindakan ini diambil oleh pihak lokap berpusat khusus untuk memberikan keselesaan kepada Namewee.
- iii. Seterusnya di sepanjang tempoh penahanan remannya iaitu dari jam 6.45 petang pada 22 Ogos 2016 sehingga ke jam 7.14 pagi, 25 Ogos 2016, Namewee telah ditempatkan berseorangan di sel yang sama.

## **2. Sel Lokap Bayan Baru Dalam Keadaan Memuaskan**

Pemerhatian pasukan lawatan telah mendapati bahawa, secara keseluruhan, tahap kebersihan lokap dan sel di Lokap Berpusat Bayan Baru berada dalam keadaan yang baik dan memuaskan.

## **3. Dakwaan Tahanan Warganegara Myanmar Ditahan Melebihi 30 hari adalah Andaian Semata-mata**

- i. Hasil pemeriksaan rekod tahanan, Pasukan Penyiasat EAIC mendapati 12 orang tahanan lain yang ditempatkan di Sel M1-2 sebelum Namewee dimasukkan. Kesemua tahanan telah ditangkap pada 13 Ogos 2016 di sekitar Georgetown, Pulau Pinang dan tempoh tahanan tamat pada 26 Ogos 2016.
- ii. Oleh yang demikian, fakta ini menafikan dakwaan Namewee yang menyatakan bahawa terdapat tahanan Myanmar yang telah ditahan melebihi 30 hari. Hal ini kerana, pada tarikh Namewee dimasukkan ke Sel M1-2 pada 22 Ogos 2016, tahanan warganegara Myanmar yang ditempatkan di dalam sel tersebut baru ditahan selama 9 hari.



- iii. Analisa terhadap rakaman CCTV terutamanya sepanjang tempoh Namewee berada bersama-sama tahanan tersebut di Sel M1-2, didapati tahanan warganegara asing berada dalam keadaan normal dan tiada apa-apa kejadian luar biasa yang berlaku. Sebagai tambahan, semasa tahanan tersebut diarahkan untuk berpindah ke Sel M1-17, dapat dilihat daripada rakaman CCTV bahawa kesemua tahanan tersebut dapat berjalan secara biasa dan tidak menunjukkan sebarang tanda mereka tidak sihat.
- iv. Oleh yang demikian, dakwaan yang dibuat oleh Namewee bahawa tahanan yang ditempatkan bersamanya berada dalam kesihatan yang teruk dan kemungkinan terdapat tahanan warganegara asing yang meninggal dunia tanpa diberikan rawatan perubatan yang diperlukan adalah tidak berasas dan merupakan andaiannya semata-mata.

EAIC dengan ini mengesahkan dakwaan dan gambaran buruk yang diberikan oleh Namewee terhadap Lokap Berpusat Balai Polis Bayan Baru, Pulau Pinang yang adalah tidak benar dan tidak berasas. Sehubungan ini juga EAIC berpuas hati dengan pengurusan Lokap Berpusat Bayan Baru yang telah diuruskan dengan memuaskan dan terdapat kepatuhan ke atas SOP Pengurusan Lokap PDRM 2014.

**TAMAT**

**DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM**  
**Pengerusi**  
**Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)**  
**9 September 2016**